

MAJLIS SAMBUTAN HARI RAYA AIDILFITRI MARKAS PEMERINTAHAN OPERASI UDARA

airforce.mil.my/berita/acara-rasmi/2123-majlis-sambutan-hari- raya-aidilfitri-markas-pemerintahan-operasi-udara

KUALA LUMPUR, 22 Julai 2017 - Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri Markas Pemerintahan Operasi Udara (MPOU) telah diadakan di Mes Wira Angkasa, Pangkalan Udara Kuala Lumpur. Majlis dihadiri oleh Panglima Operasi Udara, YBhg Lt Jen Dato' Sri Hj Abdul Mutalib bin Datuk Hj Ab Wahab TUDM dan Isteri Datin Sri Normah binti Mad Sap serta seluruh warga Jabatan dan Unit di bawah naungan MPOU. Penaung bagi majlis ini ialah Pengarah Kesiagaan Operasi MPOU, Kol Mohd Kahar bin Mohd Kassim TUDM .

Majlis dimulakan dengan gimik pembukaan dimana Panglima Operasi Udara telah membelah sebatang Lemang sebagai tanda perasmian Majlis Jamuan Raya MPOU. Di majlis ini juga, seramai tujuh orang anggota dari MPOU yang telah dan akan menamatkan Perkhidmatan telah diraikan.

Majlis turut dimeriahkan dengan acara selingan seperti Anyaman Ketupat, Lipat Sampin, Pakaian Sedondon Keluarga dan lain-lain lagi. Majlis diserikan lagi dengan pemberian duit raya kepada kanak-kanak yang hadir oleh Panglima Operasi Udara dan isteri.



